

PESANAN REKTOR 26 November 2017 Minggu Sebelum Adventus

Kita sedang bersiap untuk Krismas. Hiasan sudah pun dipasang. Latihan sedang dijalankan. Kita telah diberikan peringatan melalui khutbah minggu sebelumnya bahawa Tuhan Yesus akan kembali. Banyak perkara yang sedang menanti memberikan kita keterujaan.

Jemaat Kebaktian BM akan merayakan Krismas pada 10 Disember diikuti oleh Parti Krismas Kanak-kanak yang menggunakan tiga bahasa pada 16 Disember. Matlamat kita adalah membawa 150 orang kanak-kanak. Sekarang terdapat 82 kanak-kanak sudah pun mendaftar. Kita semua bertanggungjawab untuk membawa lebih ramai kanak-kanak ke parti ini dan percaya bahawa terdapat tuaian yang besar sedang menanti. Acara Krismas kita, "The Best Gift Ever" adalah acara penginjilan yang diadakan pada 12 dan 24 Disember. Sudahkah anda menjemput kawan-kawan dan saudara mara anda untuk datang? Jangan lepaskan peluang ini. Inilah waktunya setiap tahun apabila kita menjemput orang, mereka akan terbuka untuk menerima jemputan kita untuk merayakan Krismas. Libatkan diri dengan memberikan kad jemputan. Sertai doa berjalan dan doa sambil memandu supaya kejiranan kita diresapi dengan doa. Kita mencuba untuk melakukan hal yang besar bagi Tuhan dan mengharapkan perkara yang besar terjadi.

Segala kesibukkan ini akan memberikan fokus perhatian betapa perlunya kita bersedia bagi kedatangan Tuhan kedua kali. Adalah sangat penting bagi kita untuk membaca dan merenungkan Firman Tuhan setiap hari. Kita sudah pun memulai doa berantai 24 jam sekali seminggu. Saya percaya ini akan berterusan dan mengalami pertumbuhan sementara kita membina kehidupan doa kita. Jika anda belum mendaftar lagi, anda masih boleh melakukannya. Pembacaan firman Tuhan dan tahap doa kita adalah petunjuk pertumbuhan hubungan kita dengan Tuhan.

Carilah TUHAN selama Ia berkenan ditemui; berserulah kepada-Nya selama Ia dekat! Yesaya 55:6

BISYOP

The Rt. Revd. Melter Jiki Tais

REKTOR

Rev. Philip Lo (philipvclo@gmail.com)

WARDEN PADERI

Mr. Liew Sio Yean

WIFI

SSID: ilovefcc; Pwd: faith2jesus

PASTOR

BM - Ps. Lafir David (fierdavid@gmail.com); **ENG** - Ps. Timothy Lim (3rdemail@gmail.com); **CHI** - Mrs. Annie Kok (anniekokstar@gmail.com)

ALAMAT

No. 19 Jalan PJS 11/1, 46150 Bandar Sunway, Petaling Jaya, Selangor.

TELEFON

03-5635 8590 / 03-7496 7917

FACEBOOK

facebook.com/ilovefcc

E-MAIL

ilovefcc.com@gmail.com

Tahun Pemulihan!

Visi: Membina sebuah gereja yang mengongsikan Yesus dan menyentuh hidup melalui pemuridan yang sentiasa bertumbuh dalam kasih kepada Allah dan sesama manusia.

